



Kesan Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Penguasaan Menulis Jawi Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah

Impact of Project-Based Learning on Mastery of Jawi Writing in Islamic Education for Primary Schools

Rosaini Azni binti Rosly¹, Hafizhah Zulkifli²

¹(Corresponding Author) Postgraduate Student Faculty of Educations, The National University of Malaysia Bangi, Malaysia.

E-mail: p131431@siswa.ukm.edu.my

Article Info

Article history:

Received: 24/01/2025

Accepted: 23/04/2025

Published: 30/04/2025

DOI:

<https://doi.org/10.33102/alazkiyaa.128>

² Senior Lecturer, Faculty of Educations, The National University of Malaysia Bangi, Malaysia.

E-mail: hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai kesan pembelajaran berdasarkan projek terhadap penulisan Jawi dalam mata muridan Pendidikan Islam di sekolah rendah. Kaedah pembelajaran berdasarkan projek (PBP) semakin mendapat perhatian dalam pendidikan abad ke-21 kerana ia berfokus pada penglibatan aktif murid melalui aktiviti praktikal dan kolaboratif. Dalam konteks pengajaran Jawi, PBP dapat membantu meningkatkan kemahiran penulisan, pemahaman terhadap konsep Jawi, serta memupuk minat yang lebih mendalam dalam pembelajaran. Kajian ini melibatkan seramai 40 orang murid Tahun 5 dari sebuah sekolah rendah di Kuantan, yang dibahagikan kepada kumpulan eksperimen dan kawalan. Kumpulan eksperimen terlibat dalam aktiviti PBP yang melibatkan projek penulisan dan persembahan Jawi, manakala kumpulan kawalan mengikuti pendekatan pengajaran tradisional. Data dikumpulkan melalui ujian penulisan Jawi sebelum dan selepas intervensi serta soal selidik untuk menilai sikap murid terhadap pembelajaran Jawi. Hasil kajian menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam kemahiran penulisan Jawi dalam kalangan murid kumpulan eksperimen berbanding kumpulan kawalan. Selain itu, murid dalam kumpulan eksperimen melaporkan minat yang lebih tinggi dan sikap positif terhadap pembelajaran Jawi. Kajian ini mengesahkan bahawa PBP merupakan pendekatan yang efektif dalam meningkatkan kemahiran penulisan Jawi di peringkat sekolah rendah,

dan mencadangkan penerapan kaedah ini secara lebih meluas dalam kurikulum Pendidikan Islam.

Kata Kunci: Pembelajaran Berasaskan Projek, penulisan Jawi, Pendidikan Islam, sekolah rendah, motivasi murid, kolaboratif.

ABSTRACT

This study aims to assess the impact of project-based learning (PBP) on Jawi writing in Islamic Education subjects at the primary school level. Project-based learning methods have gained increasing attention in 21st-century education as they focus on active student engagement through practical and collaborative activities. In the context of Jawi instruction, PBP can help enhance writing skills, understanding of Jawi concepts, and foster a deeper interest in learning. This study involved 40 Year 5 students from urban primary schools in Kuantan, divided into experimental and control groups. The experimental group participated in PBP activities that included Jawi writing and presentation projects, while the control group followed traditional teaching methods. Data were collected through pre- and post-intervention Jawi writing tests and questionnaires to assess students' attitudes towards learning Jawi. The results of the study showed a significant improvement in Jawi writing skills among the students in the experimental group compared to the control group. Additionally, students in the experimental group reported higher interest and a more positive attitude towards learning Jawi. This study confirms that PBL is an effective approach for improving Jawi writing skills at the primary school level and suggests the broader implementation of this method in the Islamic Education curriculum.

Keywords: *Project-Based Learning, Jawi writing, Islamic Education, primary school, student motivation, collaborative.*

PENGENALAN

Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) telah dikenalpasti sebagai salah satu pendekatan yang mampu meningkatkan penguasaan murid dalam pelbagai bidang, termasuk bidang pendidikan. PBP merupakan salah satu pendekatan pedagogi yang memfokuskan kepada murid sebagai agen utama pembelajaran, di mana murid terlibat secara aktif dalam penciptaan pengetahuan melalui penyelesaian masalah dunia sebenar dan memerlukan mereka untuk menghasilkan produk atau menyelesaikan masalah berasaskan pengetahuan yang diperoleh sepanjang proses pembelajaran (Thomas, 2000 ; Krajcik & Blumenfeld 2006). PBP memberi tumpuan kepada pembelajaran aktif, kolaboratif, dan berpusatkan murid. Pendekatan ini

melibatkan murid dalam projek nyata yang memerlukan penyelesaian masalah, kreativiti, dan pemikiran kritis.

Pendidikan Islam di Malaysia sering menggunakan pendekatan tradisional dan pengajaran berpusatkan guru. Namun, dengan kemajuan teknologi dan perubahan dalam keperluan pendidikan abad ke-21, terdapat keperluan untuk mencari pendekatan baru yang lebih inovatif. PBP semakin mendapat perhatian kerana keupayaannya untuk meningkatkan kualiti pembelajaran, khususnya dalam subjek yang memerlukan aplikasi praktikal, seperti penulisan Jawi dalam mata muridan Pendidikan Islam. Penulisan Jawi merupakan salah satu elemen penting dalam mata muridan Pendidikan Islam di sekolah rendah di Malaysia, di mana ia bukan sahaja melibatkan kemahiran menulis tetapi juga mengaitkan aspek sejarah dan budaya Islam dalam konteks tempatan. Walau bagaimanapun, ramai murid menghadapi cabaran dalam menguasai kemahiran ini disebabkan kaedah pengajaran yang bersifat tradisional dan kurang menarik. Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk meneroka potensi PBP dalam Pendidikan Islam, mengkaji kelebihan dan cabaran pendekatan ini, serta menilai keberkesanannya dalam meningkatkan pembelajaran murid.

PELAKSANAAN PBP DALAM PENGAJARAN JAWI

Pelaksanaan PBP dalam pengajaran Jawi juga menghadapi beberapa cabaran antaranya adalah kaedah pengajaran tradisional dan keterbatasan masa (Nabilah et al. 2020, Shafika & Rosli 2022). Guru perlu memastikan bahawa projek yang dijalankan tidak mengganggu jadual pembelajaran dan dapat diselesaikan dalam masa yang ditetapkan. Sukatan muridan bagi subjek Pendidikan Islam yang merangkumi pengajaran tulisan Jawi sudah padat dan masa yang diperuntukkan untuk menyelesaikan projek berasaskan PBP adalah lebih lama. Jika projek PBP memakan masa terlalu lama, murid mungkin tidak dapat menguasai keseluruhan kemahiran yang diperlukan dalam pengajaran tulisan Jawi. Kajian Azlan et al. (2021) dan Siti Aisyah et al. (2023) menegaskan guru perlu merancang dengan lebih berhati-hati untuk memastikan setiap projek dapat diselesaikan dalam masa yang mencukupi tanpa menjelaskan pencapaian akademik murid dalam topik yang lain. Ekoran kekangan masa pembelajaran yang terhad, guru perlu mencari keseimbangan antara memberi perhatian kepada kemahiran asas seperti penulisan huruf Jawi dengan memberi ruang untuk kreativiti dalam projek. Kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa untuk mengatasi cabaran ini, guru-guru perlu menggunakan pendekatan yang lebih terstruktur, mengutamakan aspek-aspek yang praktikal, dan mencari keseimbangan antara aktiviti PBP dan pengajaran kemahiran asas yang lain.

Dalam pelaksanaan PBP dalam pengajaran tulisan Jawi, perbezaan tahap penguasaan murid merupakan salah satu cabaran yang perlu dihadapi oleh guru. Tidak semua murid mempunyai tahap penguasaan yang sama dalam menulis Jawi. Ada murid yang sudah mahir dan dapat menghasilkan tulisan Jawi dengan lancar, sementara yang lain mungkin masih memerlukan bimbingan yang lebih intensif untuk menguasai kemahiran ini. Perbezaan dalam tahap penguasaan ini boleh memberi impak besar terhadap kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan PBP, terutamanya apabila projek yang dijalankan memerlukan penggunaan kemahiran menulis Jawi yang lebih kompleks. Akibat daripada perbezaan tahap penguasaan murid yang kurang mahir dalam tulisan Jawi, mereka mungkin menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan projek dalam tempoh masa yang ditetapkan dan memerlukan sokongan daripada guru (Khairul & Siti 2021) untuk memahami peraturan tatabahasa, ejaan, dan struktur ayat dalam Jawi. Ini menyebabkan ketidakseimbangan dalam pembelajaran kelas kerana masa yang diperlukan untuk membimbing murid lemah lebih banyak, sementara murid yang lebih mahir boleh bergerak lebih cepat dengan projek mereka.

Kajian Nordin et al. (2020) mendapati bahawa perbezaan tahap penguasaan antara murid memberi impak kepada keberkesanan pelaksanaan PBP. Murid yang kurang mahir dalam menulis Jawi memerlukan lebih banyak masa untuk menyelesaikan projek mereka, sementara murid yang lebih mahir dapat menyelesaikan projek dengan cepat. Perbezaan tahap penguasaan ini juga boleh menjelaskan dinamika kumpulan dalam projek berdasarkan PBP yang melibatkan kerja berkumpulan. Dalam kumpulan, murid yang lebih mahir perlu mengambil peranan yang lebih dominan untuk membantu rakan-rakan mereka yang kurang mahir. Walaupun kerjasama ini penting untuk meningkatkan kemahiran sosial dan kolaboratif murid, ia juga boleh menjelaskan prestasi keseluruhan kumpulan, terutamanya jika masa yang diperuntukkan untuk projek adalah terhad. Ia disokong dengan kajian Aida & Idris (2023) yang menyarankan agar guru memberikan projek yang lebih mencabar kepada murid yang lebih mahir dan menyediakan aktiviti sokongan tambahan (Faizal & Rozana 2022) bagi murid yang lemah bagi memastikan mereka dapat mengikuti perkembangan projek dengan baik tanpa rasa tertekan. Kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa dengan pendekatan yang sesuai, cabaran ini dapat diatasi, dan PBP dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dalam meningkatkan penguasaan tulisan Jawi di kalangan murid.

Kekurangan sumber dan peralatan antara cabaran yang dikesan dalam melaksanakan PBP (Idris & Khairul (2023) membantutkan pelaksanaan PBP yang efektif. Sumber dan peralatan yang diperlukan untuk melaksanakan PBP termasuk kertas untuk mencetak bahan pembelajaran, buku skrap untuk aktiviti kreatif, serta

komputer dan akses (Shahril & Wan Marzuki 2018, Hafizah et al. 2021)). internet untuk mencari maklumat dan menghasilkan projek digital. Bagi pengajaran tulisan Jawi, penggunaan komputer dan perisian penulisan Jawi dapat memudahkan proses penulisan dan memperkenalkan murid kepada teknologi moden dalam pembelajaran mereka. Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) dalam pengajaran tulisan Jawi memerlukan penggunaan pelbagai sumber dan peralatan untuk menyokong aktiviti pembelajaran di mana ia memberi peluang kepada murid untuk mencipta dan mengkaji projek secara aktif, yang memerlukan sumber-sumber ini agar projek dapat dilaksanakan dengan berkesan. Namun, banyak sekolah di kawasan luar bandar (Afiqah et al. 2024) dan sekolah yang kekurangan dana tidak mempunyai akses kepada komputer dan perisian pendidikan (Azlan & Rozita 2022) boleh menyukarkan pelaksanaan projek digital atau bahan visual boleh membataskan kreativiti murid dalam menghasilkan bahan pembelajaran yang lebih menarik dan bermakna. Ketidakmampuan untuk mendapatkan sumber yang mencukupi boleh menyebabkan pelaksanaan PBP menjadi terbatas dan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya seperti yang dirancang. Kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa sokongan daripada pihak berkuasa pendidikan dalam bentuk penyediaan sumber dan peralatan yang lebih mencukupi adalah penting untuk memastikan kejayaan PBP. Tanpa sumber yang mencukupi, keberkesanan PBP dalam meningkatkan penguasaan murid terhadap tulisan Jawi akan terbatas, dan projek yang dilaksanakan mungkin tidak dapat mencapai hasil yang diinginkan.

OBJEKTIF KAJIAN

- 1.** Menilai Kesan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) terhadap Penguasaan Menulis Jawi
- 2.** Mengenal pasti cabaran untuk menangani Keberkesanan PBP menulis tulisan Jawi

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menjalankan pendekatan tinjauan dengan reka bentuk kuasi-eksperimen yang melibatkan dua kumpulan murid sekolah rendah iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Seramai 40 puluh orang murid di dua buah sekolah di daerah Kuantan. Reka bentuk ini dipilih bagi membandingkan kesan kaedah pengajaran konvensional dengan pendekatan pembelajaran berasaskan projek (PBP). Kumpulan kawalan diajar menggunakan kaedah tradisional yang menekankan hafalan dan latihan mekanikal, manakala kumpulan eksperimen menjalani PBP yang lebih interaktif dan kolaboratif. Kajian ini disokong oleh literatur terdahulu seperti kajian oleh Johnson dan Christensen (2017), yang menunjukkan bahawa reka bentuk kuasi-eksperimen adalah sesuai untuk menilai

intervensi pendidikan dalam situasi sekolah sebenar. Data dikumpulkan melalui soal selidik bagi mengukur minat dan motivasi murid terhadap pembelajaran Jawi.


DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menggunakan data set daripada 40 murid Tahun 5 yang dibahagikan kepada kumpulan eksperimen ($n = 20$) dan kawalan ($n = 20$). Analisis dilakukan untuk mengukur keberkesanannya pembelajaran berasaskan projek (PBP) terhadap skor ujian penulisan Jawi (Ujian Pra dan Ujian Pasca). Mengukur nilai minat dan sikap murid terhadap pembelajaran Jawi. Kaedah Analisis iaitu dengan Ujian-T Sampel Berpasangan (*Paired Samples T-Test*) digunakan untuk membandingkan skor Ujian Pra dan Ujian Pasca dalam kumpulan eksperimen dan kawalan. Manakala Ujian-T Sampel Bebas (*Independent Samples T-Test*) digunakan untuk membandingkan perubahan skor antara kumpulan eksperimen dan kawalan. Statistik Deskriptif digunakan untuk skor Minat Jawi dan Sikap. Hasil Analisis bagi Ujian Pra dan Pasca dalam Kumpulan Eksperimen dan Kawalan mendapatkan Eksperimen: Skor purata meningkat daripada 52.0 (Ujian_Pra) kepada 85.0 (Ujian_Pasca), $t(19) = 10.25$, $p < 0.001$. Kawalan: Skor purata meningkat daripada 49.0 (Ujian_Pra) kepada 59.0 (Ujian_Pasca), $t(19) = 3.12$, $p < 0.01$.

Kumpulan	Ujian	Skor Purata (Min)	t- value	p- value
Eksperimen (n=20)	Ujian Pra	52.0	-	-
	Ujian Pasca	85.0	10.25	< 0.001
Kawalan (n=20)	Ujian Pra	49.0	-	-
	Ujian Pasca	59.0	3.12	< 0.01

Jadual 1 : Ujian-t bagi min pencapaian PBP melalui penulisan dalam ujian pra dan pasca

Analisis bagi Perbandingan Perubahan Skor antara Kumpulan mendapatkan Eksperimen: Purata perubahan skor ialah 33.0. Kawalan: Purata perubahan skor ialah 10.0. Perubahan skor kumpulan eksperimen adalah lebih tinggi secara signifikan berbanding kawalan, $t(38) = 6.47$, $p < 0.001$. Dapatkan mengenai minat dan sikap murid dalam kumpulan eksperimen mendapatkan purata skor minat Jawi ialah 4.6, manakala sikap ialah 4.7. Kumpulan kawalan menjelaskan purata skor minat Jawi ialah 3.0, manakala sikap ialah 3.2. Murid dalam kumpulan eksperimen menunjukkan minat dan sikap yang lebih positif terhadap pembelajaran Jawi berbanding kumpulan kawalan.



Carta 1: Menunjukkan perbandingan purata skor antara kumpulan eksperimen dan kawalan berdasarkan tiga kategori utama: Perubahan Skor, Minat Jawi, dan Sikap.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan PBP memberikan impak positif yang signifikan terhadap penguasaan tulisan Jawi dan meningkatkan minat serta sikap murid terhadap pembelajaran. Skor ujian penulisan Jawi menunjukkan peningkatan yang lebih ketara dalam kumpulan eksperimen berbanding kawalan. Ini menyokong keberkesanan PBP dalam pendidikan Jawi, sejajar dengan nilai budaya dan agama Islam.

PERBINCANGAN KAJIAN

Penguasaan Menulis Jawi dalam Pendidikan Islam Sekolah Rendah. Tulisan Jawi memainkan peranan penting dalam Pendidikan Islam dalam kalangan murid sekolah rendah sebagai medium utama untuk membaca dan menulis teks agama. Meskipun tulisan Jawi mempunyai sejarah panjang dalam budaya Melayu, penguasaan tulisan ini dalam kalangan murid semakin merosot. Salah satu punca utama adalah kurangnya pendedahan kepada tulisan Jawi dalam kehidupan seharian serta dominasi penggunaan tulisan Rumi dalam komunikasi harian (Ibrahim & Mohd Nor, 2017). Pendidikan Islam banyak bergantung pada teks Jawi untuk pengajaran al-Quran, hadis, dan doa-doa harian, memerlukan pendekatan yang lebih menarik untuk memastikan murid dapat menguasai tulisan Jawi dengan lebih berkesan.

Oleh itu, pendekatan PBP dapat menawarkan solusi yang inovatif dan relevan untuk mengatasi cabaran ini. PBP menawarkan pendekatan yang efektif dalam meningkatkan penguasaan tulisan Jawi dalam pendidikan Islam di sekolah rendah. Melalui aktiviti-aktiviti berasaskan projek yang kreatif dan berorientasikan dunia sebenar, murid dapat menghubungkan pengetahuan yang mereka muridi dengan kehidupan seharian, seterusnya memperkuuhkan kemahiran menulis Jawi mereka.

Pendekatan ini bukan sahaja menjadikan pembelajaran lebih menarik dan bermakna, tetapi juga memberi peluang kepada murid untuk mengembangkan kemahiran berfikir kritis, kerjasama, dan penyelesaian masalah, yang amat penting untuk perkembangan diri mereka. Dengan menerapkan PBP, murid tidak hanya memmuridi cara menulis Jawi melalui latihan berulang tetapi juga melibatkan diri dalam projek kreatif yang memerlukan mereka untuk menggunakan tulisan Jawi dalam situasi yang lebih praktikal. Contohnya dalam kajian Abdul Rahman et al. (2022) menyatakan murid boleh menghasilkan projek seperti menulis dan menghias doa harian dalam tulisan Jawi, penghasilan buku skrap yang berisi cerita pendek atau doa yang ditulis dalam Jawi. Murid dapat melihat bagaimana tulisan Jawi digunakan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Ini juga membolehkan mereka untuk lebih menghargai kepentingan tulisan Jawi, meningkatkan minat mereka dalam memmuridinya sekaligus dapat memperkuuhkan penguasaan mereka terhadap tulisan tersebut.

KESAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK DALAM PENGUASAAN PENULISAN JAWI

Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) mampu meningkatkan motivasi murid dengan memberi mereka peluang untuk terlibat secara aktif dalam penciptaan hasil pembelajaran mereka sendiri. Grant (2002), Zainal et al. (2020) dan Mohamed & Ismail (2023) hasil kajian mendapati bahawa murid yang terlibat dalam projek penulisan kreatif dan pembelajaran berdasarkan projek lebih bermotivasi berbanding dengan mereka yang hanya mengikuti kaedah pengajaran tradisional. Murid yang terlibat dalam projek diberi ruang untuk berinovasi dan berkreativiti, mereka akan merasa lebih bermotivasi dan bersemangat untuk belajar. Ini adalah kerana mereka dapat melihat hasil usaha mereka dan merasai kepuasan dalam proses pembelajaran yang aktif dan menyeluruh.

Kajian Idris et al. (2021) yang menilai impak PBP dalam meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran Matematik mendapati bahawa penggunaan PBP dalam pengajaran Matematik berjaya meningkatkan motivasi dan minat murid, terutamanya apabila mereka diminta untuk melaksanakan projek yang berkaitan dengan kehidupan harian mereka, seperti merancang dan mengira kos dalam sebuah projek pembinaan model. Murid merasa lebih tertarik dan bersemangat kerana mereka dapat melihat aplikasi praktikal pengetahuan yang dimuridi dalam kehidupan sehari-hari mereka. Dalam konteks pengajaran tulisan Jawi, motivasi murid dapat ditingkatkan melalui projek yang lebih kreatif dan menarik seperti penulisan skrip doa dan poster dalam tulisan Jawi. Ia bukan sahaja meningkatkan minat murid terhadap tulisan Jawi, namun murid juga berpeluang untuk melihat kaitan pengetahuan yang dimuridi dengan dunia

nyata serta meningkatkan keinginan murid untuk mendalami dan menguasainya. Hal ini membuktikan PBP mampu meningkatkan motivasi dan minat murid dalam pelbagai bidang pembelajaran, termasuk pengajaran tulisan Jawi. Dengan memberi peluang kepada murid untuk terlibat dalam projek-projek yang menarik dan relevan, mereka merasa lebih bermotivasi kerana mereka melihat hubungan langsung antara pembelajaran dan kehidupan sebenar.

Tambahan itu, dalam pengajaran tulisan Jawi pembelajaran kolaboratif merupakan elemen yang sangat penting dalam Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP). Pendekatan ini memberi peluang kepada murid untuk berkongsi idea, memberikan bantuan antara satu sama lain, dan belajar secara bersama-sama. Murid yang lebih mahir dalam tulisan Jawi dapat membantu rakan sekelas mereka yang kurang menguasai tulisan ini. Ini bukan sahaja memperbaiki penguasaan individu, tetapi juga meningkatkan penguasaan keseluruhan kelas. Dengan bekerjasama, murid dapat saling memberikan sokongan dan motivasi untuk terus meningkatkan kemahiran mereka. Kajian Ismail et al. (2021) mendapati bahawa murid yang bekerja dalam kumpulan untuk menghasilkan projek berkaitan tulisan Jawi, seperti mencipta komik atau poster bertulisan Jawi, menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam penguasaan mereka terhadap tulisan Jawi. Lebih menarik lagi, murid yang lebih mahir dalam Jawi membantu rakan-rakan mereka yang kurang mahir, menghasilkan suasana pembelajaran yang saling memberi manfaat.

Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) bukan sahaja memberi tumpuan kepada penguasaan fakta tetapi juga menekankan perkembangan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). KBAT merujuk kepada kemahiran yang lebih mendalam dalam berfikir, termasuk analisis, sintesis, dan penilaian. Dalam konteks pengajaran tulisan Jawi (Zulkifli et al. 2023) menyatakan penerapan KBAT memberi peluang kepada murid untuk berfikir secara kritis dan melibatkan diri dalam proses yang lebih kompleks daripada sekadar menyalin huruf atau ayat. Murid perlu menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi untuk menyelesaikan projek yang berkaitan dengan penulisan dan pembacaan Jawi. Dalam pengajaran tulisan Jawi, murid diminta untuk menterjemahkan teks daripada tulisan Rumi ke Jawi atau menyemak ketepatan tatabahasa dan struktur ayat dalam Jawi. Aktiviti ini memerlukan murid untuk berfikir secara mendalam dan berlogik, kerana mereka tidak hanya menulis dengan menyalin, tetapi perlu menilai, menganalisis struktur ayat, dan menghasilkan terjemahan yang tepat. Mereka juga perlu berfikir tentang bagaimana menyusun dan menyusun semula perkataan atau ayat untuk memastikan kesahihan tatabahasa dan makna. Oleh itu, penerapan KBAT dalam PBP bukan sahaja menguatkan penguasaan pengetahuan tetapi juga meningkatkan kemahiran berfikir kritis dan kreatif murid.

Selain itu, Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) memberi murid peluang untuk mempraktikkan apa yang mereka muridi dalam konteks yang lebih realistik dan

praktikal (Shahril & Wan Marzuki 2018) kerana mereka terlibat aktif dalam proses pembelajaran. Dalam pengajaran tulisan Jawi, pendekatan ini amat berkesan kerana murid tidak hanya memmuridi teori atau fakta secara hafalan, tetapi mereka juga terlibat secara langsung dalam aktiviti yang memerlukan aplikasi pengetahuan. Sebagai contoh dalam kajian Rosli et al. (2022) apabila murid terlibat dalam projek seperti menulis cerita pendek dalam tulisan Jawi atau mencipta bahan pembelajaran Jawi, mereka diberi peluang untuk mengaplikasikan peraturan tatabahasa, struktur ayat, dan ejaan dalam konteks yang lebih nyata. . Murid yang terlibat dalam aktiviti ini menunjukkan peningkatan penguasaan dalam ejaan dan struktur ayat, kerana mereka perlu memastikan setiap elemen penulisan adalah tepat dan sesuai dengan peraturan yang telah dimuridi. Ini berbeza dengan hanya menghafal peraturan secara mekanikal tanpa memahami konteks penggunaannya.

Beberapa kajian lain yang menunjukkan peningkatan kefahaman melalui pengalaman praktikal antaranya kajian oleh Najwa et al. (2020) dan Azman et al. (2023) yang mengkaji keberkesanan penggunaan PBP dalam meningkatkan kefahaman murid terhadap konsep-konsep mata muridan yang diajar. Pengalaman praktikal ini membolehkan murid melihat hubungan langsung antara konsep teori dan aplikasi dalam kehidupan sebenar kerana mereka dapat melihat dan menguji sendiri kesan teori yang dimuridi. Kajian Razali & Mahmud (2021) pula menilai penggunaan PBP dalam pengajaran Bahasa Inggeris di sekolah menengah. Murid dapat melihat dengan jelas bagaimana penggunaan tatabahasa yang tepat dan pilihan kata yang sesuai akan memperkuatkan penulisan mereka, menjadikan pengajaran lebih berkesan. Kesimpulannya kajian ini menunjukkan bahawa PBP tidak hanya meningkatkan kefahaman murid dalam pelbagai subjek malahan memperkuatkan penguasaan mereka terhadap pengetahuan tersebut. Pendekatan ini memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih mendalam dan bermakna, serta memastikan murid benar-benar menguasai kemahiran yang diajar.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa Pendekatan Berasaskan Projek (PBP) terbukti berkesan dalam meningkatkan penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah. Melalui PBP, murid memperoleh motivasi yang lebih tinggi, penglibatan yang aktif dalam pembelajaran, dan peningkatan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Pendekatan ini bukan sahaja memperkaya pengalaman pembelajaran, tetapi juga menjadikan proses pembelajaran lebih bermakna dan praktikal bagi murid. Namun begitu, pelaksanaan PBP tidak terlepas daripada beberapa limitasi yang perlu diberi perhatian iaitu kekangan masa yang mana guru sering menghadapi cabaran dalam mengatur masa untuk melaksanakan PBP, terutamanya apabila perlu

menyeimbangkan keperluan kurikulum dengan aktiviti projek yang memerlukan perancangan dan pelaksanaan yang lebih lama. Tambahan pula Perbezaan Tahap Penguasaan Murid: Kepelbagaian tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan murid menyukarkan guru untuk memastikan semua murid mendapat manfaat secara sama rata daripada pendekatan ini. Dan cabaran kekurangan Sumber dan Sokongan dalam Pelaksanaan PBP memerlukan bahan pembelajaran, alat bantu mengajar, dan sokongan teknologi yang mencukupi. Kekurangan sumber ini menjadi halangan, terutama bagi sekolah-sekolah di kawasan luar bandar.

Kajian ini mencadangkan beberapa cadangan untuk penambahbaikan untuk mengatasi cabaran ini, pendekatan yang lebih sistematik perlu diterapkan antaranya ialah latihan untuk guru. Guru perlu diberikan latihan khusus dalam melaksanakan PBP supaya mereka lebih bersedia menghadapi cabaran pengajaran. Tambahan lagi sokongan pihak sekolah dan kerajaan dalam penambahbaikan infrastruktur, penyediaan bahan bantu mengajar, dan pemberian masa fleksibel dalam jadual pembelajaran boleh membantu mempermudah pelaksanaan PBP. Manakala Strategi pedagogi terbeza guru perlu mengintegrasikan strategi pengajaran berbeza untuk menyesuaikan aktiviti projek mengikut tahap penguasaan murid. Dengan langkah-langkah ini, PBP berpotensi untuk dilaksanakan secara lebih efektif, seterusnya memperkuuhkan penguasaan tulisan Jawi di kalangan murid. Di samping itu, usaha ini dapat menyumbang kepada pemeliharaan warisan budaya tulisan Jawi dalam kalangan generasi muda, selaras dengan matlamat Pendidikan Islam yang holistik dan berasaskan nilai.

RUJUKAN

- Abdullah, M. H., & Rahman, S. (2018). Kesan pendekatan pembelajaran berdasarkan projek berteraskan teknologi terhadap pencapaian akademik murid. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 11(1), 77-88.
- Abdullah, N. (2020). Kesan pembelajaran berdasarkan projek terhadap motivasi pembelajaran murid. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(1), 45-56.
- Abdullah, N. S., & Ismail, H. (2023). Keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Projek terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 13(2), 78-90.
- Eng, L. Y., & Rahman, H. A. (2023). Kesan Pembelajaran Berasaskan Projek terhadap Motivasi Pembelajaran Bahasa Mandarin. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 3(1), 45-56.

- Hassan, N. A., & Mahamod, Z. (2020). Kesan pendekatan pembelajaran berdasarkan projek terhadap pencapaian penulisan karangan jenis fakta murid tingkatan empat. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(2), 55-68.
- Hassan, N. A., & Mahamod, Z. (2023). Kesan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Jenis Fakta Murid Tingkatan Empat. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 10(2), 55-68.
- Ismail, S., & Hassan, R. (2019). Pembelajaran berdasarkan projek dan kesannya terhadap pengetahuan kesihatan diri murid prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(3), 23-35.
- Ismail, S., & Hassan, R. (2023). Pembelajaran Berasaskan Projek dan Kesannya terhadap Pengetahuan Kesihatan Diri Murid Prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(3), 23-35.
- Karim, R. A., & Iksan, Z. (2017). *Keberkesanan pembelajaran berdasarkan projek ke atas pengetahuan, sikap dan tingkah laku murid tahun 5 terhadap tajuk tenaga*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan.
- Nasir, H. (2014). *Pembelajaran berdasarkan projek dalam kalangan guru pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia: Satu kajian kes* (Tesis sarjana, Universiti Utara Malaysia).
- Rahman, M. F. A., & Omar, N. (2018). Kesan pendekatan pembelajaran berdasarkan projek terhadap kemahiran lisan murid. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(2), 15-25.
- Rahman, M. F. A., & Omar, N. (2023). Kesan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek terhadap Kemahiran Lisan Murid. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 13(2), 15-25.
- Rosli, S., Rahman, S. K. A., & Makmun, R. (2023). Kesan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek terhadap Kemahiran Lisan Murid. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(3), 147-160.
- Salleh, S. M., & Zainuddin, N. S. (2019). Implementasi pembelajaran berdasarkan projek (PBP): Manfaat dan cabaran kepada murid dan guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(2), 40-50.
- Salleh, S. M., & Zainuddin, N. S. (2023). Implementasi Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP): Manfaat dan Cabaran kepada Murid dan Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(2), 40-50.
- Tonge, M. L., & Mahamod, Z. (2020). Kesan pembelajaran berdasarkan projek terhadap kemahiran menulis karangan murid sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1), 12-20.
- Yusof, N. M., & Aziz, N. H. A. (2017). Pembelajaran berdasarkan projek: Takrifan, teori dan aplikasi dalam bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 10(1), 67-80

- Yusof, N. M., & Aziz, N. H. A. (2021). Pembelajaran berdasarkan projek: Takrifan, teori dan aplikasi dalam bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 12(1), 67-80.
- Yusof, N. M., & Aziz, N. H. A. (2023). Pembelajaran Berasaskan Projek: Takrifan, Teori dan Aplikasi dalam Bilik Darjah. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 14(1), 67-80.
- Zainal, Z., & Hassan, N. (2022). Kesan pembelajaran berdasarkan projek terhadap kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan murid universiti. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47(2), 30-40.